

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 19 Februari 2017 12:01
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: RELASIS UUM RANCANG AKTIVITI TAHUN 2017



19 FEBRUARI 2017 / 22 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPDM ONLINE: Tahun 2017 dianggap tahun yang mencabar bagi Briged Pegawai Bersekutu RELASIS UUM. Walaupun pelbagai aktiviti telah dilaksanakan pada Tahun 2016, pasukan ini sentiasa mengatur langkah bagi memastikan misi dan visi tercapai.

Dalam pertemuan baru-baru ini di Pejabat Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), pelbagai aktiviti bakal dilaksanakan antaranya, Program kemasyarakatan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan IPDM serta cadangan pemantauan pelajar ke kelas pada setiap hari Sabtu.

Selain itu, bagi membantu pihak Universiti dalam melancarkan Program Pesta Konvo UUM 2017, RELASIS UUM ingin memberikan khidmat dalam mengawal lalu lintas, pemantauan gerai-gerai, dan lain-lain.

Sementara itu, beberapa pelaksanaan aktiviti pada Tahun 2016 antaranya Kursus IMP, Latihan Pentauliah Brigid Relasis Malaysia 2016, Majlis Pentauliah Brigid Relasis Malaysia 2016, Kelas Pengendalian T-Baton dan pergerakan T-Baton (semester 3), Program Himpunan Kebangsaan Pemimpin Belia Malaysia, Ujian Kemahiran Menembak RELA (UKMR) dan Kursus Pemantapan Kawad Tangan Kosong dan Sistem Kawalan Setempat.

Antara ahli mesyuarat yang hadir adalah PPjR Dr. Haji Ahmad Zaharuddin Mohd Sabri, PPjR Dr. Mohd Dino Khairi Mohd Shariffuddin, PgR Md. Zawawi Abu Bakar, PgR Dr. Mohd Azril Ismail, PgR Dr. Rabiah Abdul Ghani, PgR Zahril Anwar Malek Abdol Hamid, PgR Abdul Muhaimin Zenol dan PgR Mohd Aizul Firdaus Musa.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.